



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (19 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak.. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **kekal 768 kes.**

#### **A. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

##### **i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sehingga 19 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari sejumlah 40 individu telah disaring, dimana:

- Dua belas (12) kes dikesan positif COVID-19 di mana lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan kali kedua pada hari ke-10 dan
- 28 individu negatif.

**ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.**

Tiada penambahan kes baru positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai enam (6) orang termasuk kes indeks. Satu (1) kes positif COVID-19 telah dikesan dan didaftarkan di Negeri Selangor.

Sehingga 19 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah 190 individu telah disaring, dimana:

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19 dan
- 183 individu negatif;

Seramai 79 individu telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) dimana kesemua 79 individu tersebut telah didapati negatif.

**B. Status Kes COVID-19 di dalam wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat dua (2)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes-kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah masing-masing satu (1) kes dari Hospital Miri dan Hospital Sibu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **703** orang atau **91.54%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **46** orang iaitu 32 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, tujuh(7) kes di Hospital Miri dan tujuh (7) kes Hospital Bintulu.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **TIADA (0)** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.47%**.

Hari ini **lapan (8) PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

### **C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching, Sibu, Bintulu dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dan dengan jumlah keseluruhan seramai 22 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah kekal empat (4) buah daerah dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **D. Makluman Keputusan Saringan Khas.**

### **i) Saringan ke atas pekerja di tapak pembinaan bangunan baharu di Hospital Umum Sarawak.**

Pada 15 Oktober 2020, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, PDRM, Jabatan Imigresen dan Jabatan Penguatkuasaan lain telah membuat aktiviti penguatkuasaan dan saringan mengejut di tapak pembinaan bangunan baharu di Hospital Umum Sarawak, Kuching. Seramai 271 orang termasuk 27 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah disaring bagi ujian rT-PCR COVID-19. Adalah dimaklumkan bahawa kesemua ujian saringan pertama mereka adalah negatif untuk ujian rT-PCR COVID-19.

### **ii) Saringan ke atas anggota PDRM dari Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Sarawak.**

Adalah dimaklumkan bahawa seramai 118 orang anggota PDRM yang telah dimasukkan ke pusat kuarantin di Hotel bagi tujuan kuarantin tambahan selama tujuh (7) hari lagi setelah menjalani kuarantin 14 hari sebelum ini adalah negatif untuk saringan ketiga ujian rT-PCR. Mereka telah diberikan *Release Order* dan telah dibenarkan untuk kembali bertugas. Sehingga hari ini, jumlah anggota PDRM yang positif ujian saringan COVID-19 setelah balik menjalankan arahan bertugas di Sabah semasa PRN Sabah yang lalu adalah kekal lapan (8) orang daripada seramai 519 orang anggota yang telah disaring.

**iii) Saringan ke atas anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berpangkalan di Batalion Ke-20, RAMD Kem Sri Miri.**

Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak telah mewajibkan anggota-anggota ATM yang baru balik dan mereka yang akan ditugaskan ke Sabah untuk menjalani ujian saringan COVID-19. Sejak 27 Oktober 2020 yang lalu, seramai 216 anggota telah disaring dan semua keputusan adalah negatif untuk COVID-19. Seramai 22 orang anggota lagi masih berada di Sabah dan mereka ini akan disaring dan dikuarantin sebaik sahaja mereka tiba di Sarawak

**E. Aktiviti saringan pengesanan kontak-kontak kepada kes positif COVID-19 bukan kluster.**

Dalam tempoh 14 hari yang lepas, sebanyak 50 kes positif COVID-19 telah dikesan dan dilaporkan di Sarawak. Daripada 50 kes yang masih aktif tersebut, 17 adalah kes-kes kluster sedia ada iaitu Kluster Bah Arnab dan Kluster Putra, 23 adalah kes-kes yang dikesan bukan kluster-kluster sedia ada dan 10 kes adalah kes yang dikesan melalui aktiviti pengesanan kontak kepada kes positif COVID-19.

Sehingga 19 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, dalam perlaksanaan aktiviti pengesanan kontak kepada 23 orang kes positif COVID-19 yang telah dikesan dan yang bukan melibatkan kluster sedia ada, sejumlah 958 individu telah disaring, dimana:

- i. sepuluh (10) kes dikesan positif COVID-19
- ii. 919 individu telah didapati negatif; dan
- iii. 29 Individu masih menunggu keputusan ujian makmal.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Penutupan Pusat Hiburan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Lanjutan dari arahan penutupan pusat hiburan yang telah dikeluarkan pada 12 Oktober lepas, PBT diarahkan untuk mengeluarkan notis pemberitahuan berhubung arahan tersebut terutama sekali bagi pusat hiburan yang melanggar SOP beroperasi melebihi jam 12 malam. PBT dikehendaki untuk mengambil Langkah penutupan premis tersebut selama 14 hari.

## **B. Penyeragaman SOP Di Seluruh Sarawak**

Semua agensi adalah dikehendaki untuk mematuhi SOP terkini yang telah ditetapkan oleh JPBN Sarawak dan tidak mengeluarkan arahan yang berbeza untuk mengelakkan kekeliruan kepada orang awam.

## **C. Penutupan Sekolah**

Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mengeluarkan arahan penutupan SK Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Jalan Astana, Kuching untuk tempoh tujuh (7) hari mulai 19 hingga 25 Oktober 2020 bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi dijalankan seperti yang terkandung dalam surat Arahan Penutupan Sekolah kerana Pengesahan kes Jangkitan COVID-19 daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Operasi Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **3. LAPORAN PENUH OP BENTENG**

Aktiviti pencerobohan dan ancaman keselamatan melalui laluan-laluan tikus dan gajah di sepanjang sempadan darat Sarawak-Indonesia dijangka meningkat selepas pasca PKP. Ini disebabkan oleh keupayaan Malaysia mengawal COVID-19 secara efisyen terutama di negeri Sarawak. Desakan hidup di negara asal ditafsirkan sebagai (*Push Factor*) untuk PATI bergerak ke Malaysia yang menawarkan peluang pekerjaan sebagai sumber pendapatan (*Full Factor*).

Sehingga kini, sejak Op Benteng dilaksanakan oleh Tentera Darat, PDRM-PGA, Jabatan Kastam Di Raja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia iaitu pada 21 Mei 2020, seramai 221 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap dan seramai 29 PATI telah diusir. Daripada jumlah tersebut, 9 kes yang melibatkan penyeludupan dengan 215 barang rampasan bernilai RM 12,833,945.13.

Sehubungan itu, setelah melihat isu ancaman keselamatan PATI yang melalui laluan-laluan tikus dan gajah ini, maka JPBN telah memaklumkan kepada Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan untuk pihak penguatkuasa mempertingkatkan Op Benteng dengan menambah bilangan anggota di sepanjang sempadan Sarawak-Indonesia.

#### **4. OPERASI MEMBANTERAS PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)**

Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak telah mengadakan operasi membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) secara besaran dan serentak di seluruh Sarawak pada 17 dan 18 Oktober 2020 (Sabtu dan Ahad).

Operasi telah diadakan di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sarikei, Mukah, Sibu, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang. Sebanyak 36 premis pembinaan, perladangan, perindustrian dan perniagaan telah diperiksa.

Hasil daripada operasi tersebut, seramai 187 PATI telah berjaya ditangkap kerana melakukan kesalahan dibawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tidak memiliki dokumen atau pas yang sah dan Seksyen 15(1)(c) Akta yang sama iaitu tinggal lebih masa di Malaysia.

Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sarawak tidak akan berkompromi dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan terhadap Akta tersebut dan akan mengambil tindakan tegas ke atas majikan yang didapati menggaji PATI serta mana-mana orang yang melindungi PATI.

## **5. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **tiga (3) kompaun** di Daerah Miri (2) dan dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **69 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (29), SMC (20), DBKU (12), MBKS (3), MD Simunjan (3), MPKS (1) dan MDDM (1).

## **6. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,382 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (183), Restoran (253), Kilang (7), Bank (100), Pejabat Kerajaan (45), Penjaja (32), Pasar Tani/Awam (47), Tempat Ibadah (53), Tempat Riadah (35), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (614).

Seramai **559 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (279), ATM (34), RELA (129), APM (82), PBT (27), KKM (2), MITI (2) dan lain-lain agensi (4).

## **7. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,007** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**19 OKTOBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	768	Kes sedang dirawat di hospital	46	5.99%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	130,660	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	768	Jumlah kes kematian	19	2.47%
IR per 100,000 penduduk	24.90	Kes telah sembuh dan discaj	703	91.54%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Patient Under Investigation (PUI)	Baru	Kumulatif
Negatif	8		8	9,129
Menunggu keputusan	1		2	9,899

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		32	0	7	7	0	46
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	1	0	1	0	2
	Kumulatif	587	39	39	36	2	703
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	0	28	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	4	6,547	0	466	0	427	0	12	27	29	15
3	Bintulu	1	310	0	46	0	39	0	0	7	7	5
4	Sibu	0	116	0	15	1	15	0	0	0	1	1
Jumlah		5	7001	0	530	1	481	0	12	37	40	22

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	20	0	4	0	4	0	0	0	0	0
2	Serian	0	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	3	253	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
5	Samarahan	0	570	0	113	0	108	0	4	1	1	0
6	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
10	Miri	0	843	0	31	1	24	0	1	6	5	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	1	0
13	Betong	0	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	1	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>2,898</b>	<b>0</b>	<b>238</b>	<b>1</b>	<b>222</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>9</b>	<b>10</b>	<b>0</b>

Jumlah Besar	8	9,899	0	768	2	703	0	19	46	50	22
--------------	---	-------	---	-----	---	-----	---	----	----	----	----

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **131 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **23 buah hotel** adalah seramai **1,699 orang**. Manakala seramai **26,867 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 19.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (741)	Hock Lee	109
2		Kuching Park	7
3		Hilton	231
4		Harbour View	191
5		Riverside (Astana Wing)	92
6		Tune Hotel	78
7		Dormani Hotel	33
8	Miri (560)	Mega Hotel	79
9		Imperial Palace	56
10		Eastwood Valley	62
11		Meritz	172
12		Miri	33
13		Dynasty	115
14		Citi Hotel	43
15	Bintulu (68)	Wasan Inn	29
16		Motel Kapok	10
17		Faber Inn	29
18	Limbang (183)	Purnama	102
19		Seri Malaysia (Lawas)	44
20		Shangshan (Lawas)	21
21		Mandarin (Lawas)	16
22	Sibu (147)	Premier	147
23		Diocesan Pastoral	0
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,699</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **5 lokasi di Kuching (3), Sarikei (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,793 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 19.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>3</b>	<b>578</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>332</b>
3	Sibu	TIADA	179
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	115
<b>6</b>	<b>Sarikei</b>	<b>1</b>	<b>112</b>
7	Limbang	TIADA	84
8	Serian	TIADA	67
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Sri Aman	TIADA	49
12	Mukah	TIADA	48
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,793</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **41 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 19.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	5
2	MP Padawan	2
3	MD Serian	3
4	MP Sibu	9
5	BDA	1
6	MDMD	4
7	MCC	13
8	MD Marudi	3
9	MD Lawas	1
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>